KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	13/11/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	TNB			

TNB kurangkan paras air empangan hidroelektrik

Pelepasan secara terkawal ikut SOP sebagai persediaan hadapi musim tengkujuh

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my



Empangan TNB di Tasik Kenyir sedia menakung kapasiti air dari hulu sungai yang dijangka meningkat. (Foto ihsan TNB)

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) melakukan persiapan awal menghadapi musim tengkujuh di tiga negeri, iaitu Terengganu, Pahang dan Perak dengan mengurangkan paras air di tiga empangan skim hidroelektrik miliknya bagi menampung peningkatan kapasiti air.

Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), Datuk Nor Azman Mufti dalam satu kenyataan semalam, berkata ketiga-tiga empangan TNB di Tasik Kenyir, Cameron Highlands dan Sungai Perak kini bersedia menakung kapasiti air dari hulu sungai yang dijangka meningkat.

"Pelepasan air secara terkawal di empangan hidroelektrik TNB dilaksanakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan dan agensi berkaitan," katanya menambah, empangan hidroelektrik TNB bukan saja untuk menjana elektrik, tetapi juga sebagai tebatan banjir berupaya menampung jumlah air hujan besar ketika tengkujuh.

BERNAMA melaporkan, beliau berkata, kapasiti empangan TNB menakung air di huluan dapat mengelakkan bencana lebih besar di kawasan hilir sungai setiap kali musim tengkujuh dengan air ditakung akan dilepaskan semula secara terkawal ke sungai, seterusnya membantu mengawal banjir di hilir empangan TNB.

"TNB turut mengadakan beberapa siri taklimat persediaan dan koordinasi kecemasan di stesen hidroelektrik bagi meningkatkan kecekapan semua pihak berkenaan bertindak pada musim banjir. Orang ramai dinasihat mengutamakan aspek keselamatan, sentiasa berwaspada dan mematuhi arahan pihak berkuasa jika premis mereka dinaiki air.

"Jika ada pencawang elektrik yang ditenggelami air dan operasinya terpaksa dihentikan, penyambungan semula hanya akan dibuat TNB selepas keadaan selamat," katanya meminta orang ramai menghubungi talian TNB CareLine di 15454 atau Facebook TNB Careline untuk maklumat perkhidmatan dan bekalan elektrik.

Di Kuala Lumpur, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) berkerjasama rapat dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam memantau rapat lokasi kerap banjir dan lokasi diramalkan berlaku hujan lebat sebagai langkah persediaan menghadapi bencana itu.

Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat JBPM, Datuk Nor Hisham Mohammad, berkata pihaknya dimaklumkan hujan lebat disebabkan Monsun Timur Laut dijangka bermula November hingga Mac tahun hadapan, namun berubah-ubah mengikut lokasi.

Tambahnya, pasukan akan digerakkan melakukan penantauan di lokasi dijangka berlaku hujan lebat dan mereka akan menanggu di situ sehingga hujan reda untuk memantau keadaan semasa, malah kelmarin sahaja sebanyak 56 lokasi dan semalam, 40 lokasi dipantau melalui rondaan sebaik menerima maklumat berhubung amaran hujan lebat.

"Apabila berlaku limpahan air, bomba sudah bersiap sedia untuk melakukan kerja menyelamat dan memindahkan mangsa banjir ke tempat selamat. Kita tidak mahu banjir melimpah sehingga keadaan menjadi buruk dan terputus hubungan kerana ia akan melambat dan menyukarkan tugas menyelamat dan pemindahan mangsa," katanya kepada *BH* semalam.

Mengambil iktibar banjir besar di Maran dan Raub, Pahang pada 2020 serta Gunung Jerai, Kedah pada Ogos, katanya, apa yang merisaukan adalah di kawasan biasa banjir, tetapi tidak serius, namun dalam keadaan cuaca dan intensiti hujan tinggi tidak menentu sekarang, banjir besar boleh berlaku tanpa diduga.

> Pelepasan air secara terkawal di empangan hidroelektrik TNB dilaksanakan mengikut SOP dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan dan agensi berkaitan


Nor Azman Mufti, *Pengarah Urusan TNB Genco*